



RM33.8 juta kerugian babitkan kes jenayah komersial di Pahang

Oleh [Asrol Awang](#) - September 20, 2022 @ 11:29am
bhnews@bh.com.my

KUANTAN: Sejumlah RM33.8 juta kerugian membabitkan kes jenayah komersial direkodkan di Pahang bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Ogos lalu.

Bagaimanapun, Timbalan Ketua Polis Pahang, Datuk Abdul Razak Mohd Yusoff, berkata jumlah itu menunjukkan penurunan RM1.7 juta berbanding RM35.6 juta kerugian direkodkan bagi tempoh sama tahun lalu.

Katanya, sepanjang tempoh itu, kes tipu adalah penyumbang utama iaitu sebanyak 1,334 kertas siasatan dibuka berbanding 1,050 kertas siasatan dibuka bagi tempoh yang sama tahun lalu.

"Tahun ini, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Pahang menunjukkan prestasi yang memberangsangkan kerana mencapai kejayaan melepasi sasaran tangkapan ditetapkan JSJK Bukit Aman iaitu 150 tangkapan.

"JSJK Pahang melakukan 154 tangkapan di Pahang dalam Ops Mule Khas yang dilancarkan pada 1 hingga 31 Julai lalu.

"Selain itu, JSJK Pahang berjaya mencapai kadar pertuduhan yang ditetapkan iaitu 40 peratus apabila mencapai 47.38 peratus serta menduduki tempat keempat antara kontinjen Polis Diraja Malaysia (PDRM)," katanya.

Abdul Razak berkata demikian ketika berucap pada Perhimpunan Bulanan 2022 di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang, di sini hari ini.

Sementara itu, Abdul Razak berkata, berdasarkan statistik Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik, sebanyak 14,674 kes kemalangan jalan raya direkodkan sepanjang tempoh itu.

Katanya, berbanding tempoh sama tahun lalu, sebanyak 9,013 kes direkodkan iaitu peningkatan 5,661 kes.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 250 kes kemalangan maut membabitkan 294 kematian sepanjang tempoh itu direkodkan berbanding 181 kes membabitkan 195 kematian berbanding tempoh sama tahun lalu.

"Daripada jumlah itu, ia menunjukkan peningkatan 69 kes kemalangan maut membabitkan 99 kematian," katanya.



Abdul Razak menyampaikan sijil penghargaan kepada anggota pada Perhimpunan Bulanan 2022 di Kuantan.- Foto NSTP/Asrol Awang